

Akta Kebankrapan dikaji semula

MELAKA: Kerajaan akan mengkaji semula keberkesanan Akta Kebankrapan 1967 dan mungkin melakukan pindaan bagi memastikan perkhidmatan Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) lebih efisien dan dinamik dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, berkata kajian itu perlu kerana akta berkenaan memerlukan perubahan mengikut keper-

luan dan keadaan semasa selain memastikan tugas pentadbiran jabatan berkenaan juga dapat dilakukan dengan lancar.

Beliau berkata, pengurusan JIM memerlukan perubahan dan kini sudah tiba masanya akta itu dikaji semula dalam usaha menjadikan jabatan itu sebuah agensi terulung negara.

"Banyak sebenarnya yang perlu dibincangkan untuk memastikan Akta Kebankrapan 1967 mengikut perkembangan semasa. JIM juga su-

dah bersetuju untuk melihat dan mengkajinya semula bagi memastikan suasana dan keadaan semasa dapat diambil kira oleh akta ini.

"Jadi, mereka akan berbincang bagaimana untuk mengemaskini akta ini. Persepsi buruk terhadap JIM juga perlu dihakis dalam usaha berterusan kerajaan mengurangkan kerenah birokrasi ketika berurusan dengan pelanggan," katanya selepas merasmikan Persidangan Pegawai-Pegawai Kanan JIM 2009 di sini, semalam.

Persidangan selama empat hari bermula semalam itu disertai lebih 170 pegawai kanan JIM dari seluruh negara.

Sementara itu, Mohamed Nazri berkata, sebanyak 225,055 kes muflis terkumpul dan 64,072 kes terbaru di seluruh negara direkodkan sejak Januari 2005 hingga Jun 2009 lalu.

Beliau berkata, 7,962 kes muflis dilepaskan mahkamah, manakala 5,886 kes pula adalah menerusi sijil pelepasan Ketua Pengarah Insolvensi (Seksyen 33A).